

Langkah cegah rasuah

Bahan asal dari Arif
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan akan mewujudkan semula badan pencegah rasuah yang memusatkan tenaga semata-mata untuk mencegah rasuah.

Menurutnya, Biro Siasatan Negara (BSN) yang ada sekarang akan dihapuskan dan menyalas perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan rasuah, seperti harga dan muti barang-barang.

Dalam satu wawancara dengan wartawan-wartawan kanan akhbar sempena 100 hari beliau menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, badan tersebut akan dianggotai oleh orang-orang yang jujur dan berdedikasi dari kalangan ahli politik, pegawai-pegawai perkhidmatan awam dan polis.

"Mereka sedang dicari dan sekehendaknya sudah pun dijumpai. Saya rasa cukup bilangannya, boleh diharapkan kejayaan dari berjasama mereka," ujar beliau.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengaku, beliau tidak akan dapat membasmi rasuah habis-mabian.

Terasa ada pedang

"Tetapi saya akan dapat menghadikannya. Saya akan timbukan rasa sesal dan ngeri di hati mereka yang terlibat dengan rasuah."

"Mereka tidak akan tenteram hidup selamanya. Mereka akan terasa ada pedang tergantung di atas kepala mereka," tegas beliau lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau mahu badan pencegah rasuah yang bakal ditubuhkan itu memusatkan tenaga mencegah rasuah.

Katanya, "Sebaik sahaja kita pasti bahawa seseorang itu menyatakan harta miliknya, kita boleh mengira dengan tepat kekayaan yang ada padanya pada sesuatu masa."

Menurutnya, beliau telah mengarahkan Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya mengajar BSN caranya mengira kekayaan seseorang itu dengan setepat-tepatnya.

Beliau berkata, Jabatan tersebut mempunyai cara mengesan 'mangsan' dengan mengira kekayaannya.

"Bila jabatan itu mengesyaki seseorang itu tidak membayar cukai pendapatannya, mereka akan meneliti semua harta miliknya serta pendapatan, segala kegiatannya, berapa banyak wangnya dalam bank dan seterusnya."

"Dengan demikian, mereka dapat dan kerap banyak cukai pendapatan yang tidak dibayar," jelas beliau.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, melalui cara demikian kerajaan dapat mengambili tindakan terhadap seseorang yang tidak dapat menerangkan, bagaimana dia mendapat sebahagian kekayaannya. Bagaimanapun, Datuk Seri Dr. Mahathir berpendapat, kegiatan rasuah di negara ini belum sampai ke peringkat yang buruk dan masih boleh diubah.

"Tetapi, untuk mengubahnya, kita perlu sekumpulan pencegah yang tidak akan tergoleh oleh rasuah," tambahnya.

Penghormatan

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengemukakan cabaran terbesar negara sekarang ialah untuk menggerakkan semua rakyat termasuk pegawai kerajaan supaya sedar tentang tanggungjawab masing-masing terhadap pembangunan negara dari segi kehidupan dan kerohanial.

"Perdana Menteri berkata, "Kita mesti ada rasa pencapaian sebagai satu bangsa dan kita hendaklah berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan orang lain supaya kita tidak merasa terbelah."

"Bagi saya, ini penting kerana saya tidak mahu ke mana-mana saya pergi, orang akan menyayakan "Melayu malas" manakal jika kita mengaku orang Malaysia."

"Saya tidak tahan mendengar cakap seperti itu "Melayu malas, penyenang" bukan orang Melayu sahaja babilan orang Malaysia kerana imej orang Melayu sudah menjangkiti pada semua orang Malaysia," katanya.

Beliau berkata, jika hendak dibandingkan sebelum dengan masa dulu Malaysia kini memang sudah mendapat penghormatan dari masyarakat antarabangsa tetapi belum sampai ke taraf yang sama dengan negara maju.

"Mereka masih lagi bersikap memandang rendah dalam rasuah, masih banyak lagi yang kita nak capai," sambungnya.